

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 26 OGOS 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L14202
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan penyelesaian komprehensif bagi tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi menyelesaikan masalah infrastruktur di Lebuhraya Timur Barat dari Gerik ke Jeli yang telah mengakibatkan banyak kemalangan maut seperti yang berlaku baru-baru ini melibatkan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) .

2. PN-1542-L14378
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menyalurkan bantuan kewangan secara tetap atau berkala kepada sekolah-sekolah swasta, termasuk Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Islam Swasta di Negeri Perlis, yang tidak berada di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Kerajaan.

3. PN-1542-L14602
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Program Anak Kita sehingga Julai 2025 dan keberhasilannya dalam menangani isu keciciran pembelajaran, meningkatkan penguasaan asas 3M serta pencapaian SPM khususnya murid daripada keluarga B40 dan kawasan luar bandar.

4. PN-1542-L14276
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan memastikan Orang Asli bukan hanya menjadi penerima bantuan tetapi turut menjadi pelaksana dan usahawan.

5. PN-1542-L14562
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme pihak Kerajaan untuk memastikan ketelusan dan integriti pelaksanaan projek perumahan mampu milik di bandar agar ia mencapai tujuan kepada golongan sasaran dan apakah pelan mitigasi pihak Kerajaan membantu golongan belia yang terpaksa menyewa seumur hidup kerana harga rumah terlalu tinggi berbanding pendapatan mereka.
6. PN-1542-L14448
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kerajaan mengawal kos kenaikan yuran prasekolah terutamanya di sektor swasta dan kawasan bandar serta apakah langkah yang diambil untuk menyelesaikan isu guru prasekolah yang masih terbeban dengan gaji yang tidak mengikut kadar gaji minimum.
7. PN-1542-L14429
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah indikator utama kejayaan RMK13 yang akan menjadi ukuran terhadap kemampuan dan ketahanan ekonomi negara pasca pandemik dan ketidaktentuan global.
8. PN-1542-L14473
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menangani sindiket *mule accounts* yang semakin meningkat dan apakah insentif khusus atau bentuk perlindungan yang disediakan kepada pemberi maklumat (*whistleblower*) yang membantu membongkar sindiket penipuan (*scam*).
9. PN-1542-L14149
Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan kepada rakyat sejak pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 Julai 2025 dan adakah strategi SST ini telah membantu Kerajaan menampung perbelanjaan operasi dan pembangunannya tanpa menambah pinjaman atau hutang.
10. PN-1542-L14296
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan segera Kementerian bagi membanteras penyalahgunaan lesen pelancongan di Semporna, Sabah termasuk penyalahgunaan permit menyelam dan pengendalian pelancong asing tanpa kelulusan, serta adakah penggantungan atau pembatalan lesen akan dikuatkuasakan.

11. PN-1542-L14344
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi pihak berkuasa di bawah Kementerian untuk mengawal dan membenteras penyeludupan senjata api ke dalam negara memandangkan berlaku peningkatan kes jenayah melibatkan senjata api yang sangat membimbangkan dan mampu mengancam nyawa rakyat Malaysia.
12. PN-1542-L13987
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi menangani isu pelajar yang menggunakan sepenuhnya Kecerdasan Buatan (AI) dalam menghasilkan penulisan akademik yang sepatutnya dihasilkan melalui penelitian dan daya fikir yang menepati proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
13. PN-1542-L14527
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah data geospasial dimanfaatkan dalam perancangan dan peluasan laluan perkhidmatan pengangkutan awam seperti LRT dan MRT, serta sejauh mana keberkesanan data ini dalam membantu mengenal pasti kawasan berpenduduk padat yang masih belum mendapat akses kepada perkhidmatan pengangkutan rel yang efisien.
14. PN-1542-L14416
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah terdapat sebarang kerjasama antara Kementerian Komunikasi dengan Kementerian lain untuk meningkatkan keberkesanan kesedaran tentang keselamatan siber dan kegiatan judi atas talian yang semakin berleluasa serta adakah terdapat sebarang mekanisma untuk mengukur keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil setakat ini.
15. PN-1542-L14582
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan perpaduan dan kesan pelaksanaannya.
16. PN-1542-L14523
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam merangka dan menguatkuasakan undang-undang untuk membendung penyalahgunaan rokok elektronik (e-rokok) dan vape.

17. PN-1542-L13965
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kementerian untuk memastikan defisit menurun kepada sekitar 3% menjelang tahun 2028.
18. PN-1542-L14504
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) undang-undang sedia ada yang akan dipinda oleh Kerajaan bagi melengkapkan Rang Undang-undang Pekerja Gig yang bakal diperkenalkan; dan
 - (b) bagaimana Rang Undang-undang Pekerja Gig tersebut dapat memberikan perlindungan yang lebih menyeluruh kepada pekerja gig selain perlindungan melalui PERKESO dan KWSP.
19. PN-1542-L13948
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status pelaksanaan projek bekalan air ke Ulu Roban, Kabong Saratok dan status pelaksanaan projek bekalan air ke Engkala, Ulu Awik, Ulu Sebetan, Tapang Ujan, Mudong dan Ibus di Krian Saratok.
20. PN-1542-L14362
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah impak tarif yang dikenakan kepada Malaysia dalam hubungan perdagangan antarabangsa dengan Amerika Syarikat.
21. PN-1542-L14017
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan sistem insurans penjagaan jangka panjang (*long-term care insurance*) yang bersifat wajib atau subsidi, khusus untuk menampung keperluan penjagaan warga emas seiring dengan peningkatan kadar penuaan penduduk negara menjelang 2030.
22. PN-1542-L13910
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan menyatakan sasaran pulangan pelaburan (ROI) bagi pelaburan sejumlah USD250 juta dalam Arm Holdings Plc dan jangka masa untuk mencapai ROI tersebut.

23. PN-1542-L14592

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jaminan Kerajaan bahawa hak pembiak baka dan amalan tradisional petani akan terus dipelihara sekiranya Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 dipinda bagi membolehkan penyertaan Malaysia dalam Konvensyen UPOV 1991.

24. PN-1542-L14314

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) kadar pendermaan organ di Malaysia untuk 5 tahun terakhir serta berapakah pakar transplan dan pakar pembedahan transplan yang dilatih di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institut Jantung Negara sehingga hari ini dan masih dalam perkhidmatan Kerajaan; dan
- (b) senaraikan *waiting list* untuk transplan hati, jantung dan paru-paru.

25. PN-1542-L14620

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah kampung Orang Asli yang telah diwartakan setakat ini, dan berapa pula yang masih berada dalam proses pewartaan.

26. PN-1542-L14038

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan peruntukan kepada rakyat di kawasan pedalaman Sarawak untuk membina rumah panjang sebagai rumah mampu milik supaya rakyat rumah panjang dapat menikmati rumah panjang mampu milik.

27. PN-1542-L14232

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan impak dan pelarasan industri apabila Tarif Timbal Balas Amerika Syarikat dikurangkan ke 19 peratus (asal 25 peratus) bagi barangan eksport ke Amerika Syarikat selepas 7 Ogos 2025.

28. PN-1542-L14540

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengambilan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) bagi tahun 2024 dan 2025 serta berapa orang daripada jumlah tersebut adalah kaum India.

29. PN-1542-L14128
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan sistem kutipan tol tanpa palang MLFF (*Multi-Lane Fast Flow*) di lebuhraya, tahap keberkesannya dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas, langkah penyelarasan peranan syarikat konsesi dengan pihak Kerajaan, serta jaminan terhadap keselamatan data peribadi pengguna.
30. PN-1542-L14350
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini dan jangkaan siap bagi Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Rusila, Marang yang mengalami hakisan pantai serius.
31. PN-1542-L14636
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pasukan keselamatan negara bagi mengelakkan berlakunya tindakan agresif berikutan penangkapan 36 individu warganegara Bangladesh yang mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas, khususnya daripada penyokong kumpulan tersebut .
32. PN-1542-L14611
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tumpuan utama yang ingin dibawa oleh Kerajaan susulan kejayaan Malaysia menganggotai Suruhanjaya Penduduk dan Pembangunan (CDP) bagi penggal 2026 hingga 2030 dan bagaimanakah keanggotaan tersebut dapat memberikan manfaat yang lebih baik terhadap sektor pembangunan keluarga di negara ini.
33. PN-1542-L13900
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perlindungan yang diberi kepada orang awam yang dipanggil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu dalam siasatan dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pegawai-pegawai SPRM tidak menyalahgunakan kuasa mereka.
34. PN-1542-L14138
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan mengenakan cukai SST 6% pendidikan kepada pelajar-pelajar asing yang belajar di Malaysia. Sekiranya benar, apakah rasional dan sejauh mana langkah ini mampu untuk mempromosikan pelancongan pendidikan kepada pelajar asing ke Malaysia.

35. PN-1542-L14286
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah hasil penilaian awal terhadap projek penghantaran ubat menggunakan teknologi dron di Ulu Tomani dan Pulong dari segi kos, masa dan impaknya kepada pesakit, serta adakah Kementerian bercadang memperluas inisiatif ini ke kawasan seperti Pensiangan, Tongod dan Ulu Kinabatangan sebagai pelan tetap dengan mengadakan kerjasama agensi luar dan swasta.
36. PN-1542-L14443
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tumpuan RMK13 dalam memulihkan industri pelancongan dan menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan mampan.
37. PN-1542-L14041
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk sokongan serta kerjasama yang dirangka di pihak MIDA dengan Invest Kedah dalam merencanakan pelaburan sektor pembuatan di Kulim Hi-Tech Park.
38. PN-1542-L14376
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang membenarkan calon Peperiksaan Sijil Amalan Guaman menduduki peperiksaan tersebut sebanyak 4 kali sahaja, sedangkan di United Kingdom, Bar Standards Board telah membenarkan cubaan tambahan untuk menduduki Peperiksaan Bar dalam tempoh 5 tahun.
39. PN-1542-L14662
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan Budaya Nilai Tinggi yang dilancarkan oleh Kementerian mencapai matlamatnya, khususnya bagi sektor penting, termasuk di Parlimen.
40. PN-1542-L14685
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes kematian Zara Qairina Mahathir.

41. PN-1542-L14252
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah persempadanan semula kawasan pilihanraya akan dilaksanakan pada penggal ini dan adakah ia turut melibatkan pertambahan kerusi di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.
42. PN-1542-L14393
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini industri *Carbon Capture, Utilization and Storage* (CCUS) selepas Dewan Negara meluluskan undang-undang berkenaan pada sidang lalu.
43. PN-1542-L14177
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan mengkaji semula Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) khususnya yang berkaitan dengan keanggotaan JAC yang dilihat ada konflik kepentingan apabila Ketua Hakim Negara (KHN) yang menjadi Pengerusi JAC dan dalam masa yang sama KHN juga menasihati Perdana Menteri dalam urusan pelantikan hakim-hakim kanan di bawah Perkara 122(B) Perlembagaan Persekutuan.
44. PN-1542-L14242
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap pesakit yang menghidap penyakit jarang dijumpai (rare disease) adakah golongan ini dikategorikan sebagai golongan OKU.
45. PN-1542-L13997
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif yang diambil melalui Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi membantu para penternak ikan air tawar mendapatkan bekalan makanan ikan ternakan dengan harga yang lebih kompetitif melalui penyediaan bahan makanan dari sumber-sumber tempatan.
46. PN-1542-L14449
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bidang-bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dirancang oleh Kerajaan khusus untuk pelajar sekolah tahfiz, bagi memastikan mereka memiliki kemahiran tambahan yang berdaya saing di pasaran kerja.

47. PN-1542-L14083

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pelan pembangunan strategik industri unsur nadir bumi (REE) serta langkah memastikan hasil tersebut dapat dimanfaatkan secara bersama dengan Kerajaan Negeri.

48. PN-1542-L13975

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) apakah langkah konkrit KPDN dan MyCC untuk membongkar monopoli dan kartel harga; dan
- (b) adakah terdapat mekanisme penambahbaikan akta kawalan harga untuk menghalang amalan taksiran harga yang tidak telus.

49. PN-1542-L14675

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah untuk memastikan perkembangan kecerdasan buatan (AI) di IPT negara ini dirancang dan dilaksanakan dengan rapi sebagai satu mekanisme baharu yang diperlukan untuk membantu peningkatan ilmu dan kemahiran pelajar dan staf IPT.

50. PN-1542-L14514

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran tambahan hasil Kerajaan melalui pengembangan SST dan bagaimana ia akan mempengaruhi pelaburan asing.

51. PN-1542-L14186

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 bagi memastikan pembangunan infrastruktur penting awam di Sabah dirancang, dibahagikan dan dilaksanakan secara lebih saksama dan berimpak tinggi, selaras dengan matlamat merapatkan jurang pembangunan antara wilayah.

52. PN-1542-L14220

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapakah jumlah syarikat dan kemudahan menyimpan dan memproses bahan sisa buangan terjadual industri atau komersial di seluruh negara dan sejauh manakah kapasiti dan keupayaan penguatkuasaan membasmi pembuangan haram sisa terjadual sehingga Julai 2025.

53. PN-1542-L13935

Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes rasuah yang melibatkan penjawat awam kanan dan pemimpin politik di Sabah yang telah disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, serta jumlah kes yang telah didakwa dan disabitkan.

54. PN-1542-L14167

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana pelbagai cukai baru yang dikenakan, pemotongan subsidi dan kenaikan harga barang tidak akan menjejaskan kehidupan dan kos sara hidup rakyat.

55. PN-1542-L13930

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah garis masa spesifik untuk membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Pendanaan Politik dan adakah draf RUU tersebut akan dibawa kepada pihak umum untuk sesi libat urus sebelum dibentangkan bagi memastikan ketelusan dan persetujuan pemegang taruh seperti mana komitmen kerajaan di bawah reformasi tatakelola.

56. PN-1542-L14118

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi dan rasional pihak Kementerian Pendidikan dalam memperkenalkan unsur Kecerdasan Buatan (AI) seawal peringkat sekolah rendah dan sejauh mana inisiatif ini selari dengan tahap perkembangan kognitif murid yang masih bergelut dalam menguasai asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

57. PN-1542-L14059

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah proaktif Kementerian dalam memastikan tiada lagi isu kelemahan prosedur pengurusan kontrak kenderaan perisai Tentera Darat Malaysia (TDM) seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2/2025 baru-baru ini.

58. PN-1542-L14494

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan daripada pelaksanaan langkah-langkah 'Penghargaan untuk Rakyat' yang diumumkan pada 23 Julai 2025 terhadap perkembangan ekonomi negara serta pencapaian sasaran defisit fiskal sebanyak 3.8% daripada KDNK bagi tahun 2025.

59. PN-1542-L14654

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan nyatakan bilangan atau jumlah pelajar India yang telah diterima masuk ke Universiti Awam (UA) sejak sistem kuota dibatalkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Jun 2024.

60. PN-1542-L14212

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengadaptasikan tenaga nuklear sebagai tenaga boleh baharu negara dan status terkini selepas pelantikan agensi MyPOWER Corporation sebagai agensi penyelarasan utama.

61. PN-1542-L14552

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah khusus yang diambil untuk memastikan jumlah pelajar melanjutkan pengajian selepas SPM dapat ditingkatkan.

62. PN-1542-L13920

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran tenaga pekerja dan mengekalkan bakat tempatan dalam Kecerdasan Buatan (AI) selaras Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan (AI) berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab AI serantau serta langkah proaktif menangani kekurangan pekerja AI yang berkemahiran dalam firma-firma teknologi.

63. PN-1542-L14096

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menambah bilangan hospital daerah dan menaik taraf fasiliti kesihatan di luar bandar di Sarawak yang masih menghadapi kekurangan pakar, peralatan moden, dan perkhidmatan kecemasan dan ambulan, khususnya di kawasan pedalaman seperti Belaga, Pakan dan Selangau.

64. PN-1542-L14400

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah pelan reformasi atau penyusunan semula agensi-agensi teknikal di bawah seliaan MADA, khususnya bagi memastikan isu-isu kecil seperti jalan berlubang dan saluran tersumbat dapat diselesaikan dengan segera tanpa mengambil masa yang lama atas alasan birokrasi, teknikal dan kekangan kewangan.

65. PN-1542-L14635
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menambah baik liputan internet dan kemudahan telekomunikasi di kawasan perkampungan Orang Asli.
66. PN-1542-L14319
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat usaha untuk membina dewan terbuka di sekolah-sekolah yang masih belum memilikinya bagi membolehkan pelajar menjalankan aktiviti dalam kawasan yang teduh, terutamanya ketika cuaca panas terik yang boleh menjejaskan kesihatan mereka, seperti di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Fajar.
67. PN-1542-L14148
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah strategi yang dirangka oleh Kerajaan untuk memperkasakan dan memperluas sektor penjagaan kanak-kanak seiring dengan transformasi industri penjagaan dan kerjasama dengan sektor swasta bagi menggalakkan amalan mesra keluarga di mana ia selari dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja sebanyak 60%.
68. PN-1542-L14530
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pendirian tegas Malaysia dalam isu Palestin memberi sebarang kesan langsung terhadap tarif atau sekatan dagangan oleh negara-negara tertentu.
69. PN-1542-L14150
Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah strategik Kerajaan berikutan kesan tarif 24 peratus atau 25 peratus Amerika Syarikat terhadap Malaysia.
70. PN-1542-L14571
Senator Puan Tiew Way Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional di sebalik keputusan Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang melarang graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari University of London (External) sahaja yang memperoleh kelas ketiga daripada menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (SAG), sedangkan syarat tersebut tidak dikenakan kepada graduan dari universiti-universiti lain.

71. PN-1542-L14053

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kerajaan dalam memperkukuhkan kebebasan bersuara dalam kalangan mahasiswa dan pensyarah, serta inisiatif yang dirangka bagi mengembalikan peranan universiti sebagai ruang wacana kritikal dalam kerangka demokrasi.

72. PN-1542-L14408

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah cabaran yang dihadapi Kerajaan dalam menggalakkan kegunaan *peritoneal dialysis* sebagai alternatif kepada hemodialisis; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi kekangan yang dihadapi.

73. PN-1542-L14027

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian dalam membangunkan sistem MRV (*Monitoring, Reporting, Verification*) *Kebangsaan yang menyeluruh untuk menyokong pelaksanaan cukai karbon seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, dan bagaimana Kementerian akan memastikan ketelusan serta integriti data pelepasan karbon yang dilaporkan oleh pihak industri.*

74. PN-1542-L14262

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah kadar tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas barangan pindah kapal (transshipment) akan menjejaskan jumlah pengendalian kargo pindah kapal di pelabuhan-pelabuhan utama Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengetatkan kawalan terhadap syarikat-syarikat yang cuba mengelak daripada dikenakan tarif pindah kapal yang lebih tinggi oleh Amerika Syarikat.

75. PN-1542-L14304

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai projek fasiliti kesihatan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia yang sepatutnya diserahkan dalam 10 tahun yang lepas mengikut tahun tetapi masih belum disiapkan ataupun telah terbengkalai. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi isu ini.

76. PN-1542-L14064

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan bagi mengatasi isu literasi digital dalam kalangan murid di luar bandar dan kawasan pedalaman, khususnya di negeri Kedah, sambil mengambil kira risiko *teknostres yang dihadapi oleh pelajar pada masa kini*.

77. PN-1542-L14265

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha berterusan dari Kerajaan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan untuk masyarakat Orang Asli, khususnya di kawasan pedalaman.

78. PN-1542-L14329

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah strategik Kementerian dalam memanfaatkan sumber biojisim daripada sektor akuakultur bagi menjana peluang pekerjaan baharu kepada golongan belia serta memperkukuh amalan ekonomi kitaran (*circular economy*) khususnya di wilayah Pantai Timur.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) akan mencadangkan :-**

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat (70), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut:-

- (a) Yang Berhormat Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah – Pengerusi (Yang di-Pertua Dewan Negara)
- (b) YB Senator Datuk Dr. Fuziah binti Salleh
- (c) YB Senator Puan Susan Chemerai Anding
- (d) YB Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa; dan
- (e) YB Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail

dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh satu penggal iaitu Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas dan selaras dengan peruntukan Peraturan 70(2), Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilih memanggil orang hadir di hadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.”

2. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah, serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;

merestui ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”

– menyambung semula Perbahasan atas masalah [25 Ogos 2025]

- | | | | | |
|----|-----------------|-------------------------------------|-------------------|------------------------------|
| 3. | (D.R.21/2025) | Rang Undang-undang
Sempadan 2025 | Insolvensi Rentas | Bacaan Kali
Kedua |
|----|-----------------|-------------------------------------|-------------------|------------------------------|

[Perdana Menteri]

- | | | | | |
|----|-----------------|---|--|------------------------------|
| 4. | (D.R.14/2025) | Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 | | Bacaan Kali
Kedua |
|----|-----------------|---|--|------------------------------|

[Menteri Kewangan]

5. (D.R.13/2025) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
6. (D.R.11/2025) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
7. (D.R.12/2025) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
8. (D.R.6/2025) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**
9. (D.R.7/2025) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**
10. (D.R. 19/2025) Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kerja Raya]**

11. (D.R. 17/2025) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kesihatan]

12. (D.R. 16/2025) Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Dalam Negeri]

13. (D.R. 18/2025) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. (D.R. 15/2025) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

15. (D.R. 20/2025) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pendidikan]